

Shahrizat ke SPRM

>>Oleh Hayati Ibrahim

ya_t@hmetro.com.my

PUTRAJAYA: "Alhamdulillah hari ini (semalam) giliran saya untuk disoal siasat. Jadi, saya datang. Saya ucapkan terima kasih kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana memanggil saya dan saya datang dengan rela hati," kata Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita sebaik selesai memberikan kenyataan di Ibu Pejabat SPRM, semalam.

Shahrizat yang berbaju kurung ungu muda dan bertudung putih tiba di pekarangan Ibu Pejabat SPRM kira-kira jam 4 petang, tanpa ditemani sesiapa dan disambut Pengarah Siasatan SPRM, Datuk Mustafar Ali.

Dengan wajah ceria, Ketua Wanita Umno itu berkata, beliau hadir di Ibu Pejabat SPRM untuk membantu siasatan berhubung isu Perbadanan Fidlot Nasional (NFC), selepas dipanggil badan berkenaan, kelmarin.

Beliau yang kembali bertugas semalam selepas tiga minggu bercuti berkata, se-



HADIR...Shahrizat disambut Mustafar ketika hadir di Ibu Pejabat SPRM, semalam.

panjang sesi dengan SPRM, beliau memberikan jawapan jelas yang beliau tidak pernah terbabit dengan sebarang keputusan dan tidak ada sebarang kaitan dengan isu dalam NFC.

"Kerana prosedur saya bercuti dengan harapan saya akan dipanggil untuk siasatan. Saya benar-benar mahukan tidak ada yang disembunyikan mengenai siasatan itu kerana saya menjadi mangsa tuduhan liar," katanya.

Shahrizat keluar dari Ibu Pejabat SPRM selepas kira-kira dua jam memberi-

kan keterangan kepada pihak SPRM.

Isu mengenai NFC yang diterajui suami Shahrizat, Datuk Seri Dr Mohamad Salleh Ismail sebagai Pengerusi Eksekutif, mulai mendapat perhatian ramai selepas Laporan Ketua Audit Negara 2010 pada Oktober lalu menyatakan NFC gagal memenuhi matlamat penubuhannya.

Ia semakin panas berikutan dakwaan pembangkang kononnya wujud penyelewengan peruntukan kerajaan RM250 juta yang disalurkan kepada NFC.